

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1992

MELANJUTKAN TEMPOH KEMUDAHAN PINDAHMILIK TANAH DAN GADAIAN DI BAWAH PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH

1. Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas MMK Bil. 6/194/92 (44) dalam sidangnyanya pada 11 Mac 1992 telah bersetuju membuat keputusan sebagaimana berikut:-
 - 1.1 Melanjutkan tempoh memberi kebenaran am di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi membolehkan tuan tanah Bukan Melayu di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah membuat pindahmilik pertama kepada pembeli-pembeli Bukan Melayu Anak Kelantan atau Bukan Anak Kelantan dan seterusnya membolehkan pembeli pertama membuat cagaran/gadaian kepada Bank atau Institusi yang tidak disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 sehingga 31 Disember 1992.
 - 1.2 Melanjutkan tempoh memberi kebenaran am di bawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi membolehkan tuan tanah Melayu di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah membuat pindahmilik pertama kepada pembeli-pembeli Melayu Anak Kelantan dan seterusnya membolehkan pembeli pertama membuat cagaran/gadaian kepada Bank atau Institusi Kewangan yang tidak disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 sehingga 31 Disember 1992.

- 1.3 Melanjutkan tempoh memberi pengecualian bayaran pendaftaran pindahmilik pertama dan gadaian bagi rumah kos rendah di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah sehingga 31 Disember 1992 bagi rumah biasa dan rumah pangsa .
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Arahan PTG.KN.Bil. 2/1989 dan Bil. 1/1991.
3. Pekeliling-Pekeliling yang berkaitan iaitu Pekeliling PTG.KN.Bil. 1/1988, Bil. 1/1990 dan Bil. 1/1991 dengan ini dimansuhkan.

t.t

(HAJI ASHAARI AZMI BIN HAJI ABDULLAH)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
BLOK 3, TKT. BAWAH KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.**

BERTARIKH: 25 MAC 1992.

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. Y.A.B Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan
(Tuan Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman)
3. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan
(Tuan Haji Mohd. Rozali bin Isohak).
4. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
5. Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. Y.B. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. Y.A.Brs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
9. Y.A.Brs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
10. Y.Brs Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

FAIL: P.T.G. KN. SULIT 23/3/1 / JLD. 2/ (59).